



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PEMBERIAN DISKAUN TOL DALAM LINGKUNGAN 50% SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2026

KUALA LUMPUR – Agenda Kesejahteraan Rakyat terus menjadi tonggak utama dalam kerangka Malaysia MADANI, dengan Kerajaan komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meringankan beban kos sara hidup serta meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

2. Sejalan dengan komitmen tersebut, Kementerian Kerja Raya (KKR) memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan diskaun tol sebanyak 50% sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2026, seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Inisiatif ini adalah antara langkah membantu meringankan kos perjalanan rakyat yang pulang ke kampung halaman bagi meraikan perayaan bersama keluarga tersayang.

3. Inisiatif ini dilaksanakan bagi membantu meringankan kos perjalanan rakyat, khususnya mereka yang pulang ke kampung halaman untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga tersayang. Pemberian diskaun ini melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan bagi tujuan pembayaran balik pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya yang terlibat, dengan anggaran berjumlah RM21.03 juta.

4. Langkah ini selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa diberi perhatian, di samping memudahkan pergerakan pengguna lebuhraya sepanjang musim perayaan yang lazimnya menyaksikan peningkatan jumlah trafik di seluruh negara.

5. Pelaksanaan diskaun tol ini akan bermula pada jam 12.01 tengah malam, 18 Mac 2026 dan berakhir pada jam 11.59 malam, 19 Mac 2026.

6. Diskaun ini diberikan secara kepada kenderaan persendirian Kelas 1 (Kelas 2 di Jambatan Pulau Pinang) di semua lebuhraya KECUALI di Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Plaza Tol Tanjung Kupang, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA). Pemilihan Tarikh pelaksanaan bertujuan mengelakkan penumpuan trafik pada hari perjalanan selain mengoptimumkan pengoperasian dan penyelarasan logistik tambahan di sepanjang kawasan hentian sebelah serta kawasan Rehat dan Rawat (RSA) di lebuhraya.

7. Sehubungan itu, pengguna lebuh raya diharap dapat merancang perjalanan lebih awal bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas. Pengguna juga disarankan memuat turun aplikasi TuJu Navigasi Lebuh Raya LLM dan MyPLUS-TTA untuk mendapatkan cadangan jadual waktu perjalanan bagi meningkatkan aspek keselamatan dan keselesaan pemanduan. Selain itu, semua pengguna jalan raya dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi arahan papan tanda, had laju, dan memberi perhatian kepada maklumat yang dipaparkan di *Variable Message System (VMS)*.
8. Bagi mereka yang menggunakan lorong smartlane, anda diminta memberi isyarat awal sebelum memasuki lorong tersebut, memandu dengan kelajuan ditetapkan, dan sentiasa peka dengan keadaan sekeliling.
9. Pengguna juga disarankan untuk menyemak status trafik semasa atau sebarang insiden di lebuh raya melalui saluran rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia di Facebook, TikTok, atau menghubungi Pusat Pengurusan Trafik LLM di talian 1-800-88-7752. Maklumat tambahan juga boleh didapati melalui laman sesawang rasmi LLM untuk paparan CCTV serta WhatsApp Channel LLM Info Trafik.
10. Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri dan semoga semua pengguna jalan raya sampai ke destinasi dengan selamat.

#Tamat#

KEMENTERIAN KERJA RAYA

17 MAC 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIBekerja